

# Nasib Najib akan terjawab esok

BA - 10/11/2019 m/s: 8

Mahkamah akan tentukan sama ada kena bela diri atau dibebaskan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Nasib bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sama ada dibebaskan atau dipanggil membela diri terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd, akan terjawab esok.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali akan membuat keputusan pada akhir kes pendakwaan selepas mende-


ngar hujahan pasukan pendakwaan diketuai Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas dan barisan peguam bela Najib diketuai Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada 23 Oktober lalu.

Thomas menutup kes pendakwaan selepas Mahkamah Tinggi selesai mendengar keterangan 57 saksi, antaranya membabitkan pegawai kanan AmBank, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan SRC.

Sebaik sahaja menutup kesnya, pendakwaan menawarkan 66 saksinya kepada pihak pembelaan.

Perbicaraan kes berprofil tinggi itu yang mengambil masa 58 hari pada peringkat kes pendakwaan disifatkan antara yang paling singkat berlangsung.

Prosiding yang mendapat perhatian seluruh dunia itu bermula pada 3 April lalu dengan mendengar keterangan saksi pertama iaitu Penolong Pendaftar Suru-



Najib Razak

hanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Muhamad Akmaludin Abdullah.

Ia berakhir dengan keterangan Penolong Kanan Pesuruhjaya (PKP) Bahagian Operasi Khas (BOK) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rosli Husain, selepas disoal semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Suhaimi Ibrahim.

Antara saksi utama yang mendapat perhatian ialah bekas Pen-

garah SRC, Datuk Suboh Md Yassin; bekas Pengerusi Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismee Ismail; dan bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Saksi lain yang turut menarik perhatian, termasuk bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pertama Kumpulan Wang (Diperbadankan) (KWAP), Datuk Azian Mohd Noh dan pegawai agensi dana persaraan itu, pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) yang menjalankan siasatan dan serbuan serta pegawai AmBank termasuk Joanna Yu yang mengendalikan akaun peribadi semasa Najib.

Yu dan Rosli adalah dua saksi yang paling lama memberikan keterangan, iaitu selama lapan hari manakala Ismee yang juga Bekas Pengarah Bukan Eksekutif 1 Malaysia Development Berhad (1MDB), berada di kandang saksi selama tujuh hari.

Perbicaraan hanya ditangguhkan selama tiga kali berikutan peguam bela Harvinderjit Singh mengambil cuti sakit pada 24 Julai dan perkara sama berlaku kepada Najib apabila bercuti sakit selama tiga hari pada 14 Ogos lalu.

Kali ketiga, pada 15 Julai lalu, apabila Najib dibenarkan menghadiri Sidang Dewan Rakyat bagi perbincangan dan pengundian Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan untuk menurunkan had umur mengundi di negara ini daripada 21 kepada 18 tahun, bagaimanapun prosiding hanya ditangguhkan setengah hari.

Sekiranya Najib diperintah membela diri, mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan di peringkat pembelaan selama 10 hari bermula 3 dan 4 Disember; sebelum bersambung pada 9 hingga 12 Disember dan diteruskan pada 16 hingga 19 Disember ini.